

BBC sambut hari jadi PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini diraikan dalam satu majlis anjuran Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) sempena sambutan hari jadinya

yang ke-69.

Majlis Malam Mesra BBC itu turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri

Dr Wan Azizah Ismail, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd Zahir Ismail serta Speaker Dewan Negara, Datuk G Vadiveloo.

Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan Ahli

Parlimen Barisan Nasional (BN) serta parti pembangkang hadir sama di majlis itu.

Dr Mahathir kemudian memotong kek hari jadi yang dihadiahkan oleh BBC.